

PEMAKLUMAN PINDAAN PROSES PERMOHONAN MENGADAKAN AKTIVITI PENYELIDIKAN DALAM GARIS PANDUAN MENGHADIRI DAN MENGADAKAN AKTIVITI PENYELIDIKAN (UKM-SPKP-CRIM-PK05-GP01)

Sukacita dimaklumkan bahawa Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Instrumentasi (CRIM) dari semasa ke semasa sentiasa berusaha menambahbaik sistem pengurusan atas talian CRIM bagi memudahkan semua Fakulti/Institut/Pusat. Justeru, pihak CRIM ingin memaklumkan bahawa penambahbaikan telah dibuat untuk permohonan mengadakan aktiviti penyelidikan di Sistem e-Mohon Aktiviti Rasmi (Sistem e-Aktiviti), di mana:

- i. Pihak Fakulti/Institut/Pusat **tidak perlu lagi mengemukakan salinan keras (*hardcopy*) permohonan mengadakan aktiviti penyelidikan ke CRIM bagi tujuan semakan dan kelulusan** sebagaimana proses sebelum ini;
- ii. Dengan penambahbaikan ini menjadikan permohonan mengadakan aktiviti penyelidikan hanya perlu **dilakukan sepenuhnya dalam Sistem e-Aktiviti** yang boleh dicapai melalui <http://www.my/eaktiviti> ataupun melalui aplikasi Gerbang Warga UKM melalui carian Aktiviti Rasmi; dan
- iii. Proses baharu ini berkuatkuasa serta merta.

Pihak CRIM berharap semoga proses kerja yang baharu ini akan lebih memudahkan dan melancarkan permohonan mengadakan aktiviti penyelidikan melalui Sistem e-Aktiviti di peringkat Fakulti/Institut/Pusat. Sekian dulu untuk makluman dan tindakan selanjutnya oleh semua Fakulti/Institut/Pusat.

Terima kasih.

Hebahan rasmi:

Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Instrumentasi (CRIM)

19 Mei 2020